



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

PPV PIKAS DI PENGERANG BAKAL MEMVAKSINASI 5,123 PEKERJA

Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama Timbalan Menteri MITI YB Datuk Lim Ban Hong telah membuat lawatan tapak ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di bawah Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) COVID-19 di Pengerang, Johor hari ini. Seramai 5,123 pekerja dijangka akan divaksin di lokasi ini sejak pembukaannya pada 16 Jun 2021.

Selain Pengerang, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan YB Datuk Lim Ban Hong turut membuat lawatan pemantauan persiapan PPV di Austin International Convention Centre. PPV di Pengerang adalah PPV *on-site* di bawah Model 2 PIKAS sementara PPV di AICC pula adalah PPV *Common Use* di bawah Model 1 PIKAS. Lawatan tapak tersebut juga adalah susulan lawatan ke PPV di Selangor dan Pulau Pinang sebelum ini.

Setakat 16 Jun 2021, secara keseluruhannya sebanyak 2,082 syarikat dari seluruh negara dengan jumlah pekerja seramai 301,050 orang telah berdaftar di dalam PIKAS. Bagi negeri Johor, sebanyak 255 syarikat telah berdaftar dan seramai 14,357 pekerja adalah pemain industri di Johor.

Program PIKAS adalah langkah responsif berikutan cadangan dari persatuan industri, dewan perniagaan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana untuk membantu mempercepat vaksinasi bagi rakyat, untuk mencapai imuniti kelompok di dalam komuniti. Program yang dilancarkan pada 12 Jun ini disasarkan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatannya yang berkaitan. Program ini telah mendapat sokongan penuh pemain industri dan bakal memberi impak positif kepada produktiviti di tempat kerja selain memberi jaminan perlindungan kesihatan mereka.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Vaksinasi bagi golongan rentan tetap menjadi keutamaan bagi Kerajaan di bawah program PICK dan tidak akan dikompromikan, namun pelaksanaan PIKAS adalah penting dalam melindungi pekerja daripada risiko jangkitan.

MITI telah memberi jaminan bahawa pekerja yang menyertai program ini tidak akan dibebani dengan kos tambahan dan vaksin akan diberikan secara percuma oleh Kerajaan kepada pekerja. Lebih 150,000 dos sebagai permulaan telah diperuntukkan untuk program PIKAS. Melalui program kolaborasi awam-swasta ini, majikan perlu menanggung kos pentadbiran proses vaksinasi dan tidak dibenarkan untuk memotong gaji pekerja bagi membiayai kos yang terlibat.

PIKAS adalah sebuah inisiatif di bawah Fasa 4 PICK dan adalah sebuah kolaborasi inovatif di antara pihak awam dan swasta. Vaksinasi untuk sektor pembuatan di bawah PIKAS memberi tumpuan kepada subsektor pembuatan yang kritikal seperti elektrik dan elektronik, pemprosesan makanan, besi dan keluli, alat perubatan, alat pelindung diri (PPE), minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan.

Untuk maklumat lanjut tentang PIKAS, layari www.miti.gov.my

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

18 JUN 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my